

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bab ini mengandungi beberapa perkara asas yang perlu dijelaskan sebelum memasuki perbincangan yang lebih mendalam mengenai tajuk tesis. Ia merangkumi kepentingan tajuk yang dipilih, tinjauan kajian terdahulu, objektif kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, data kajian, batasan kajian, bidang kajian dan rangka kajian.

1.2. Kepentingan Tajuk

Tajuk Maf'ulat Dalam Bahasa Arab ini dipilih sebagai memenuhi hasrat penulis mendalami kelima-lima jenis maf'ulat yang terdapat dalam Bahasa Arab. Pada asasnya maf'ulat bukanlah merupakan perkara pokok (عُمْدَةٌ) dalam pembentukan ayat-ayat dalam bahasa Arab. Ia hanya merupakan perkara sampingan (فُضْلَةٌ) sahaja. Walau bagaimanapun dalam keadaan-keadaan tertentu sesuatu ayat tidak sempurna tanpa diletakkan maf'ulat seperti ayat-ayat yang terdapat di dalamnya kata kerja transitif.

Bagi menyempurnakan ayat yang mengandungi kata kerja transitif, kita perlu meletakkan maf'ul bih. Seterusnya, maf'ul mutlaq pula diletakkan dalam ayat-ayat yang bertujuan untuk menyakinkan pendengar bahawa sesuatu kerja itu betul-betul berlaku, atau untuk menerangkan kekerapan berlakunya kerja atau gaya kerja tersebut. Manakala maf'ul lah diletakkan dalam ayat yang bertujuan untuk menerangkan kenapakah sesuatu kerja tersebut dilakukan. Maf'ul fih disebut dalam ayat bagi tujuan menerangkan masa atau tempat berlakunya sesuatu kata kerja. Adapun maf'ul ma'ah pula perlu disebut dalam ayat-ayat bagi tujuan menerangkan siapa atau apa yang menyertai pelaku semasa kata kerja dilakukan.

Kepelbagaian perubahan yang berlaku pada struktur ayat-ayat yang melibatkan penggunaan maf'ulat dalam ayat-ayat tersebut menjadikan ia memerlukan penjelasan dan pengkaedahan yang sistematik bagi memudahkan para pengguna bahasa memahami dan mengatur maf'ulat dalam ayat-ayat dengan cara yang betul serta mengikut cita rasa bahasa Arab sebagaimana yang di warisi daripada generasi silam. Generasi silam yang hidup pada zaman sebelum Islam, hanya mempelajari dan menguasai bahasa ibunda mereka secara dari mulut ke mulut mengikut kemampuan bahasa yang telah dianugerahkan Allah s.w.t. tanpa perlu mempelajari kaedah-kaedah secara formal sebagaimana yang dilalui oleh generasi zaman kegemilangan Islam dan zaman mutakhir ini.

Seterusnya penggunaan maf'ulat menambahkan lagi keindahan bahasa Arab kerana apabila diletakkan maf'ul mutlaq, maf'ul fih, maf'ul lah dan maf'ul ma'ah akan melengkapkan lagi ayat-ayat yang dibina. Seterusnya bagi memahami maksud serta menghayati keindahan bahasa al-Qur'an al-Karim perlulah maf'ulat dikaji dengan cara terperinci. Oleh itu penjelasan maf'ulat di dalam kajian ini diharapkan dapat memenuhi maksud yang telah dinyatakan. Sekali pun dalam surah Yasin terdapat maf'ul bih, maf'ul mutlaq dan maf'ul fih sahaja, namun ia sudah memadai untuk menggambarkan kewujudan jenis maf'ulat yang digunakan secara meluas dalam al-Qur'an al-Karim.

1.3. Tinjauan Kajian Terdahulu

Kajian tentang sintaksis bahasa Arab, termasuklah kajian mengenai maf'ulat telah dimulakan oleh pelopor sintaksis, iaitu al-Khalil bin Ahmad al-Farahidiy (m 175H/791M) melalui karyanya al-Jumal fi al-Nahw. Beliau hanya menyentuh tiga jenis maf'ulat sahaja. Iaitu maf'ul bih, maf'ul mutlaq dan maf'ul fih. Di samping itu juga beliau menggunakan istilah **النَّصْبُ مِنْ** **الْمَفْعُولِ** bagi maf'ul bih, **النَّصْبُ مِنْ مَصْدَرٍ** bagi maf'ul mutlaq dan **النَّصْبُ مِنْ** **الظَّرْفِ** bagi maf'ul fih.

Ia disusuli oleh Sibawayh (m 188H/803M) murid kepada Khalil dalam bukunya al-Kitab. Beliau menyentuh kelima-lima jenis maf'ulat dengan menggunakan ungkapan **الْفَاعِلُ الَّذِي يَتَعَدَّاهُ فِعْلُهُ إِلَى مَفْعُولٍ إِلَى مَفْعُولَيْنِ وَإِلَى** **مَا يَكُونُ مِنَ الْمَصَادِرِ مَفْعُولًا** bagi maf'ul bih, **ثَلَاثَةَ مَفْعُولَاتٍ** **مَا يَجْرِي مِمَّا يَكُونُ ظَرْفًا فِي هَذَا** bagi maf'ul lah, **لِأَنَّهُ عُدْرٌ لَوْفُوعِ الْأَمْرِ** **مَا يَظْهَرُ فِيهِ الْفِعْلُ وَيَنْتَصِبُ فِيهِ الْإِسْمُ** bagi maf'ul ma'ah, **الْمَجْرَى** bagi maf'ul fih.

Ibn Malik (m 672H) yang menyentuh kelima-lima jenis maf'ulat dalam nazamnya al-Alfiyyat_l adalah merupakan orang yang pertama menggunakan istilah-istilah maf'ul bih, maf'ul mutlaq, maf'ul lah, maf'ul fih dan maf'ul ma'ah. Nazamnya dijelaskan secara terperinci oleh Ibn 'Aqil (m 769H) dalam bukunya yang masyhur Syarh Ibn 'Aqil.

Selepas itu Ibn Hisyam (m 761H) menyentuh kelima-lima jenis maf'ulat dalam bukunya Syudhur al-adhhab. Beliau juga menggunakan istilah-istilah maf'ul bih, maf'ul mutlaq, maf'ul lah, maf'ul fih dan maf'ul ma'ah. Seterusnya beliau disusuli oleh as-Sayutiy (m911H/1505M) yang juga menyentuh kelima-lima jenis maf'ulat dalam bukunya Ham' al-Hawami'. Beliau juga menggunakan istilah yang sama bagi kelima-lima jenis maf'ulat tadi sebagaimana yang digunakan oleh Ibn Hisyam.

Tokoh sintaksis semasa, ‘Abbas Hasan (1995, Juz. 2) turut menyentuh kelima-lima jenis maf‘ulat dalam bukunya yang terkenal iaitu al-Nahw al-Wafi. Beliau menggunakan istilah-istilah maf‘ul bih, maf‘ul mutlaq, maf‘ul lah, maf‘ul fih dan maf‘ul ma‘ah. Seterusnya ‘Abduh al-Rajhiy turut menyentuh kelima-lima jenis maf‘ulat dalam bukunya yang terkenal iaitu al-Tatbiq al-Nahwiyy. Beliau menggunakan istilah-istilah maf‘ul bih, maf‘ul mutlaq, maf‘ul lah, maf‘ul fih dan maf‘ul ma‘ah.

Seterusnya Amin ‘Aliy al-Sayyid (1994, Juz. 1) turut menyentuh kelima-lima jenis maf‘ulat dalam bukunya yang terkenal iaitu Fi ‘Ilm al-Nahw. Beliau menggunakan istilah-istilah maf‘ul bih, maf‘ul mutlaq, maf‘ul lah, maf‘ul fih dan maf‘ul ma‘ah.

Seterusnya ‘Abd al-Ghaniy al-Diqr turut menyentuh kelima-lima jenis maf‘ulat dalam bukunya yang terkenal iaitu Mu‘jam al-Qawa‘id al-‘Arabiyyat Fi al-Nahw Wa al-Tasrif. Beliau menggunakan istilah-istilah maf‘ul bih, maf‘ul mutlaq, maf‘ul lah, maf‘ul fih dan maf‘ul ma‘ah.

Muhammad bin Idris turut menyentuh maf‘ulat dalam tesis sarjana (M.A) yang bertajuk “Analisis Sistem I‘rab Dalam Bahasa Arab”, Fakulti Bahasa Arab dan Linguistik UM, 1996. Beliau hanya menyentuh maf‘ul bih dan maf‘ul fih.

Isma'il Ahmad Dain al-Khawalidat dalam tesis Sarjana (M.A) bertajuk Maf'ul Liajlih Di Antara Teori Dan Penggunaan (الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ بَيْنَ النَّظَرِيَّةِ وَالِاسْتِعْمَالِ) di Fakulti Pengajian Tinggi, Unversiti Jordan, tahun 2002. Beliau menyentuh maf'ul liajlih pada pandangan para ahli nahu (الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ فِي نَظَرِ النَّحَاةِ) serta penggunaannya semasa zaman penerimaan penghujahan (الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ فِي الْاِسْتِعْمَالِ الْجَارِي اِبَانِ عُصُورِ الْاِحْتِجَاجِ) dan penggunaannya selepas zaman pengkaedahan nahu (الْمَفْعُولُ لِأَجْلِهِ فِي (الِاسْتِعْمَالِ الْجَارِي فِيمَا تَلَا عُصُورَ الْاِحْتِجَاجِ).

Najih Jamil Sawafitat dalam tesis Sarjana (M.A) yang bertajuk “Maf'ul Ma'ah Di Antara Teori Dan Penggunaan” (الْمَفْعُولُ مَعَهُ بَيْنَ النَّظَرِيَّةِ وَالِاسْتِعْمَالِ) di Fakulti Pengajian Tinggi Universiti Jordan tahun 2004. Beliau menyentuh tentang penggunaan maf'ul ma'ah dan membuat perbandingan bentuk maf'ul ma'ah pada pandangan ahli-ahli nahu dan bentuk penggunaan (الْمُؤَاوَنَةُ بَيْنَ صُورَةِ الْبَابِ عِنْدَ النَّحَاةِ وَصُورَتِهِ فِي (الِاسْتِعْمَالِ).

Majid Ghayth al-Hujayli dalam tesis Sarjana (M.A.) bertajuk Maf‘ul Mutlaq Di Antara Teori Dan Penggunaan (النَّظَرِيَّةُ وَالتَّطْبِيقُ) di Fakultas Pengajian Tinggi, Universiti Jordan, tahun 2005. Beliau menyentuh bentuk penggunaan maf‘ul mutlaq pada masa dahulu (صُورَةُ الْمَفْعُولِ الْمُطْلَقِ فِي الْإِسْتِعْمَالِ الْجَارِي قَدِيمًا) dan bentuk penggunaan maf‘ul mutlaq pada masa kini (صُورَةُ الْمَفْعُولِ الْمُطْلَقِ فِي الْإِسْتِعْمَالِ الْجَارِي حَدِيثًا). Dan seterusnya beliau menyentuh perselisihan pendapat ahli nahu tentang penggunaan maf‘ul mutlaq masa dahulu dan masa kini (الْمُقَابَلَةُ بَيْنَ صُورَةِ الْمَفْعُولِ الْمُطْلَقِ عِنْدَ النُّحَاةِ وَصُورَتِهِ فِي الْإِسْتِعْمَالِ الْجَارِي قَدِيمًا وَحَدِيثًا).

1.4. Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif yang berikut:

- a) Mengetahui pasti bentuk dan penggunaan maf‘ulat dalam bahasa Arab.
- b) Menghurai penggunaan maf‘ulat dari segi sintaksis dan semantik.
- c) Menganalisis penggunaan maf‘ulat dalam surah Yasin.

1.5. Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan yang berikut:

1. Apakah bentuk maf‘ulat dan penggunaannya dalam Bahasa Arab?
2. Bagaimana maf‘ulat digunakan dalam aspek sintaksis dan

semantik?

3. Sejauh mana penggunaan maf'ulat dalam surah Yasin?

1.6. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan sepenuhnya. Ia berdasarkan bahan-bahan yang diperolehi daripada hasil karya para pengkaji masa silam dan moden berhubung dengan selok belok bahasa Arab terutama sintaksis. Penulis turut menyentuh bidang semantik, morfologi, balaghat dan wacana terutama dalam menghuraikan penggunaan maf'ulat dalam surah Yasin. Pandangan ahli-ahli nahu silam dan moden dibincangkan dalam kajian ini. Percanggahan pendapat di antara ahli nahu Kufah dan Basrah turut diberi penilaian bagi memantapkan lagi kajian ini. Penulis hanya menghadkan perbincangan terhadap pandangan ahli nahu Kufah, Basrah dan moden sahaja. Pada umumnya penulis lebih mirip kepada pendapat Basrah berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Basrah adalah lebih kukuh berbanding dari pihak Kufah.

Data Kajian

Penyelidikan ini berpandukan data-data yang diperolehi daripada al-Qur'an al-Karim, tafsir-tafsir yang muktabar, buku-buku sintaksis yang dihasilkan oleh ulama'-ulama' yang terdahulu dan semasa. Di samping itu

merupakan sumber data yang utama bagi kesemua bab. Ini adalah disebabkan penulisan ini adalah merupakan kajian terhadap sintaksis bahasa Arab secara langsung. Oleh itu, buku-buku sintaksis yang terdahulu dan sekarang mesti dijadikan rujukan yang asas bagi memantapkan kajian ini.

d) Selain dari itu, data-data juga diambil daripada buku-buku i‘rab yang ditulis oleh ulama’-ulama’ yang terdahulu iaitu

التَّبْيَانُ فِي إِعْرَابِ الْقُرْآنِ dan إِعْرَابُ الْقُرْآنِ الْمَنْسُوبُ إِلَى الرَّجَاحِ

dan juga yang ditulis oleh ulama’-ulama’ semasa iaitu

إِعْرَابُ dan إِعْرَابُ الْقُرْآنِ وَبَيَانُهُ, الْجَدْوَلُ فِي إِعْرَابِ الْقُرْآنِ وَصَرْفِهِ وَبَيَانِهِ مَعَ فَوَائِدِ نَحْوِيَّةِ هَامَّةِ

الْقُرْآنِ الْكَرِيمِ الْمَيْسَرِ.

Penulis berpendapat pengambilan data-data dari buku-buku ini amat penting sekali terutama bagi bab tujuh supaya apa yang dianalisis dalam surah Yasin terutama yang melibatkan kedudukan maf‘ulat di dalam surah tersebut dianalisis secara betul dan tepat. Penulis menggunakan Rasm Imla’iy dalam penulisan ayat-ayat al-Qur’an al-Karim. Dari segi terjemahan ayat suci al-Qur’an, penulis berpandukan kepada tafsir al-Qur’an pimpinan Rahman, terbitan JAKIM, cetakan ke duabelas, tahun 2001.

1.7. Batasan Kajian

Kajian ini meneliti dan membahaskan kelima-lima jenis maf'ulat yang terdapat dalam bahasa Arab secara terperinci iaitu maf'ul bih, maf'ul mutlaq, maf'ul ma'ah, maf'ul fih dan maf'ul lah. Pada setiap maf'ul perbahasan akan tertumpu dalam aspek sintaksis dan semantik, kecuali bagi maf'ul mutlaq dan maf'ul lah ia juga melibatkan pola pembentukannya. Kajian turut menganalisis penggunaan maf'ulat yang terdapat dalam surah Yasin dari aspek sintaksis dan semantik.

1.8. Bidang Kajian

Kajian ini merangkumi kajian sintaksis terhadap kelima-lima jenis maf'ulat yang terdapat dalam bahasa Arab. Ia disusun mengikut keutamaannya sebagaimana yang telah disusun oleh ahli-ahli nahu pada zaman silam dan sekarang.

Penulis juga turut menyentuh bidang morfologi, balaghah dan wacana yang berkaitan dengan penggunaan maf'ulat dalam data kajian. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman yang mendalam kepada pembaca terhadap fungsi maf'ulat dalam menyampaikan maksud sesuatu ungkapan.

1.9. Rangka Kajian

Perbahasan di dalam kajian ini mencakupi lapan bab.

Bab pertama mengandungi pendahuluan tesis yang menjelaskan kepentingan tajuk, tinjauan kajian terdahulu, objektif kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, data kajian, batasan kajian, bidang kajian, dan rangka kajian.

Bab kedua membincangkan definisi maf'ul bih, fungsi maf'ul bih, agen (عَامِلٌ) yang menasabkan maf'ul bih, keadaan maf'ul bih, menyebut maf'ul bih, menggugurkan maf'ul bih, mendahulukan maf'ul bih dari kata kerja, mendahulukan kata kerja dari maf'ul bih, mendahulukan pelaku dari maf'ul bih, mendahulukan maf'ul bih dari pelaku dan bentuk-bentuk maf'ul bih.

Bab ketiga membahaskan tentang definisi maf'ul mutlaq, fungsi maf'ul mutlaq, agen yang menasabkan maf'ul mutlaq, menzahirkan agen yang menasabkan maf'ul mutlaq, pengganti masdar yang berfungsi sebagai maf'ul mutlaq dan bentuk maf'ul mutlaq.

Bab keempat membincangkan tentang definisi maf'ul ma'ah, fungsi maf'ul ma'ah, teori agen maf'ul ma'ah dan ciri-ciri maf'ul ma'ah.

Bab kelima membicarakan tentang definisi maf'ul fih, fungsi maf'ul fih, agen yang menasabkan maf'ul fih, keadaan agen yang menasabkan maf'ul fih dan kategori maf'ul fih.

Bab keenam membicarakan tentang definisi maf'ul lah, fungsi maf'ul lah, agen yang menasabkan maf'ul lah, keadaan maf'ul lah, bentuk maf'ul lah dan syarat-syarat maf'ul lah.

Bab ketujuh membicarakan pengenalan surah Yasin, sebab-sebab pemilihan surah Yasin, kandungan penting surah Yasin, kelebihan surah Yasin, maf'ul bih dalam surah Yasin, maf'ul mutlaq dalam surah Yasin dan maf'ul fih dalam surah Yasin.

Bab kelapan adalah penutup, ia membicarakan tentang kesimpulan bagi setiap bab dan cadangan bagi membantu usaha mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di negara ini.